

PERATURAN PERMARKAHAN KERTAS 2
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020
SMK SERI INTAN IPOH

1.a. Namakan dua bandar dalam Tamadun Mesir Purba ? [2 markah]

- F1 Thinis
- F2 Heliopolis
- F3 Thebes
- F4 Fayoum
- F5 Memphis
- F6 Abydos

1.b. Berdasarkan kenyataan di atas , apakah iktibar yang boleh dijadikan panduan untuk mengiktiraf sumbangan wanita kepada pembangunan negara? [4 markah]

- F1 Mengiktiraf wanita sebagai pemimpin
- F2 Wanita tidak dipinggirkan
- F3 Diberikan taraf seperti lelaki
- F4 Menghormati idea dan pandangan
- F5 Ketokohnya dihargai oleh rakyat dan masyarakat
- F6 50 % quota wanita dalam cabinet negara
- F7 Lebih ramai wanita daripada kalangan wanita
- F8 Mana-mana jawapan yang munasabah

1c. Sebagai pemimpin, apakah keistimewaan masyarakat Mesir Purba yang boleh di contohi untuk memajukan negara kita. [4 markah]

- F1 Kebolehan pemimpin membentuk bandar/pusat pentadbiran
- F2 Kesetiaan rakyat terhadap pemimpin
- F3 Kemahiran matematik/geometri/atronomi untuk memajukan kerajaan
- F4 Masyarakat mampu menukar kawasan padang pasir menjadi tanah pertanian yang subur
- F5 Sifat kreatif masyarakat dalam bidang pembinaan/perkenal batu bata/membina piramid
- F6 Kemampuan masyarakat untuk mengawal banjir dengan kebolehan matematik
- F7 Kebijaksanaan masyarakat menyesuaikan diri dengan alam
- F8 Mana-mana jawapan yang munasabah

2. Beberapa siri peperangan antara kaum Quraisy Makkah dengan orang Islam Madinah telah berlaku antara tahun 622 M hingga 630 M.

a. Apakah maksud Khandak? [1 markah]

F1 - Parit

b. Namakan dua peperangan yang berlaku dalam sejarah perkembangan Islam. [2 markah]

- F1 - Perang Badar
- F2 - Perang Uhud
- F3 - Perang Khandak
- F4 - Perang Tabuk

Mana-mana dua

c. Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh tentera Islam dalam peperangan? [3 markah]

- F1 - Tidak boleh memulakan peperangan
- F2 - Berperang apabila diserang musuh
- F3 - Dilarang membunuh binatang ternakan

- F4 - Tidak boleh memusnahkan tumbuh-tumbuhan
- F5 - Tidak boleh menyeksa tawanan
- F6 - Tidak boleh membunuh orang tua
- F7 - Tidak boleh membunuh kanak-kanak
- F8 - Tidak boleh membunuh orang sakit
- F9 - Tidak boleh membunuh orang yang menyerah diri
- F10 - Dilarang merobohkan tempat ibadat

d. Peperaangan yang berlaku dalam sesebuah negara boleh membawa kepada kemusnahan harta benda dan terkorban nyawa.

Sebagai pemimpin, apakah yang wajar dilakukan bagi mengelakkan daripada berlakunya peperangan pada masa hadapan? [4 markah]

- F1 - Mengadakan hubungan diplomatik
- F2 - Mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat
- F3 - Memajukan ekonomi
- F4 - Mengamalkan prinsip berkecuali
- F5 - Mewujudkan kestabilan politik
- F6 - Mengelakkan perlumbaan senjata
- F7 - Mengadakan hubungan serantau
- F8 - Menyelesaikan konflik melalui rundingan
- F9 - Tidak mengadakan pakatan tentera
- F10 - Tidak campur tangan dalam politik negara lain
- F11 - mana-mana jawapan munasabah

3a Apakah maksud Imperialisme? [2 markah]

- F1 Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayahnya
- F2 dengan menjajah negara lain
- F3 untuk kepentingan tertentu

b Nyatakan **dua** faktor Imperialisme Barat di Asia Tenggara.

- F1 Kedudukan Asia Tenggara yang strategik
- F2 Kepesatan perindustrian di Eropah
- F3 Memerlukan bahan mentah secara konsisten
- F4 Memerlukan kawasan pasaran baru
- F5 Kemajuan sistem pengangkutan
- F6 Penggunaan kapal berkuasa wap
- F7 Pembukaan Terusan Suez
- F8 Penciptaan telegraf
- F9 Persaingan antara kuasa barat
- F10 Slogan Beban Orang Putih
- F11 Slogan tugas menyebarkan tamadun
- F12 Menyebarkan agama Kristian

c Pada pandangan anda, apakah keistimewaan di Asia Tenggara yang menyebabkan kuasa barat datang menjajah? [2 markah]

- H1 Kedudukan yang strategik
- H2 Mempunyai sumber bahan mentah
- H3 Pasaran yang luas
- H4 Tanah yang subur
- H5 Tenaga buruh yang ramai
- H6 Tanah yang luas
- M Mana-mana jawapan yang munasabah

d Pada pandangan anda bagaimanakah kita dapat mengekalkan kemerdekaan negara daripada penjajahan ? [2 markah]

- H1 Bertolak ansur dalam politik
- H2 Mewujudkan kerjasama
- H3 Bermusyawarah untuk mencapai kata sepakat
- H4 Sanggup berkorban demi kebaikan bersama
- H5 Menjaga kedaulatan negara
- H6 Merealisasikan dasar-dasar kerajaan
- H7 Menjaga nama baik negara
- H8 Menjayakan konsep 1Malaysia
- H9 Setia kepada pemimpin
- H10 Menghayati sejarah perjuangan para pejuang negara
- H11 Menjayakan setiap kempen
- H12 Bersatu padu
- H13 Patuh kepada undang-undang
- M Mematuhi undang-undang negara

e. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan kesan penjajahan barat di negara kita.[2 markah]

- H1 Kewujudan masyarakat majmuk
- H2 Kepelbagaian bahasa,budaya dan sistem kepercayaan
- H3 Kewujudan sistem dwi ekomomi
- H4 Sistem pendidikan vernakular
- H5 Kemiskinan penduduk luar bandar
- H6 Jurang pendapatan antara golongan miskin dan golongan kaya
- H7 Kewujudan bandar-bandar baru
- H8 Pengenalan sistem pengangkutan keretapi
- M Mana-mana jawapan yang munasabah

4. a. Namakan tokoh-tokoh yang menganggotai Suruhanjaya Reid. [2 markah]

- F1 - Lord Reid (Hakim British)
- F2 - Sir Ivor Jennings (England)
- F3 - Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia)
- F4 - Tuan B. Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India)
- F5 - Tuan Abdul Hamid (Pakistan)

b. Apakah tugas suruhanjaya tersebut? [2 markah]

- F1 - Membincangkan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- F2 - Menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- F3 - Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu
- F4 - Mengkaji isu-isu dalam merangka perlembagaan
- F5 - Menerima memorandum daripada pelbagai pihak
- F6 - Menerbitkan cadangan perlembagaan
- F7 - Menghantar cadangan perlembagaan ke Parlimen British untuk diteliti
- F8 - Menghantar cadangan perlembagaan kepada Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan untuk disah

c. Kerakyatan secara jus soli yang dituntut oleh orang dagang telah diterima oleh Raja-raja Melayu dengan syarat-syarat tertentu. Berikan syarat-syarat tersebut. [2 markah]

- F1 Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf
- F2 Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu diiktiraf
- F3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan diiktiraf
- F4 Kedudukan Raja-Raja Melayu diiktiraf

d. Apakah kepentingan perlembagaan kepada negara kita?

[3 markah]

- F1 - Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi
 - F2 - Panduan dalam pentadbiran negara
 - F3 - Menjamin hak asasi rakyat
 - F4 - Menjaga keharmonian kaum
 - F5 - Melicinkan pentadbiran negara
 - F6 - Membentuk identiti negara
 - F7 - Melindungi hak istimewa orang Melayu
 - F8 - Memelihara kedaulatan institusi beraja
 - F9 - Menjamin kedaulatan negara
- Mana-mana jawapan munasabah

5. a. Jelaskan ciri-ciri yang terdapat pada candi – candi di Lembah Bujang?

[4 markah]

- F1 – bersaiz kecil
- F2 – hanya terdapat tinggalan tapak sahaja
- F3 – Candi agama hindu
- F4 – terbahagi kepada dua bahagian
- F5 – bahagian utama iaitu Vimana, bahagian suci tempat arca diletakkan
- F6 – bahagian dan Mandapa bahagian luar candi
- F7 – Candi berunsur Buddha
- F8 – memiliki pelan cruciform

b. Mengapakah pemerintah kerajaan-kerajaan awal di Asia Tenggara membina candi? (6M)

- F1 Monumen keagamaan Hindu dan Buddha
- F2 Sebagai rumah ibadat
- F3 Tempat menyimpan abu jenazah raja dan keluarganya
- F4 Tempat menyimpan patung dewa utama
- F5 Lambang keagungan seseorang pemerintah
- F6 Melambangkan order kosmos
- F7 Melambangkan kehebatan ahli seni agama
- F8 Memperingati orang ternama
- C Contoh candi: Candi Dieng/ Candi Borobudur/ Candi Prambanan/ Angkor Wat/ Candi Lembah Bujang

c. Berikan cadangan anda untuk memulihara warisan kesenian di negara kita. (8 markah)

- F1 Mewartakan warisan kesenian sebagai warisan negara
 - F2 Mengadakan kempen di kalangan masyarakat
 - F3 Menguat kuasakan undang-undang
 - F4 Memperuntukan dana khas untuk memulihara warisan kesenian
 - F5 Menjadikan warisan kesenian sebagai tarikan pelancong
 - F6 Menyemaikan rasa cinta dan bangga kepada warisan kesenian di kalangan pelajar
 - F7 Mempelajari menghasilkan hasil kesenian negara
 - F8 Menjalankan kajian ilmiah tentang warisan kesenian
 - F9 Mendokumentasikan warisan kesenian
- Mana-mana munasabah

6. Jelaskan faktor yang membolehkan Melaka muncul sebagai sebuah kuasa perdagangan pada abad ke -15. (6 markah)

- F1 - Melaka terletak di kedudukan yang strategik
- H1a - Di tengah jalan / laluan perdagangan
- H1b - Membantu perkembangannya tanpa perlu mengeluarkan barang-barang seperti rempah ratus

F2 - Pelabuhan Melaka menyediakan kemudahan pentadbiran
H2a - yang licin dan teratur supaya melancarkan aktiviti perdagangan

F3 - Jawatan Laksamana diwujudkan
H3a - Berfungsi menjaga urusan kelautan
H3b - Jawatan Syahbandar sebagai ketua pelabuhan

F4 - Undang-undang berkaitan kelautan digubal
H4a - seperti Undang-undang Laut Melaka
H4b - Terdapat tugas nakhoda, jurumudi dalam undang-undang tersebut

F5 - Terdapat lebih kurang 84 bahasa dipertuturkan di Melaka
H5a - Membuktikan kepesatan perdagangan di Melaka

F6 - Wujud sistem timbangan dan sukatan seperti tahil dan kati
H6a - Barangan seperti emas / perak / bahan wangian / batu permata menggunakan sistem tahil dan kati
H6c - Sistem Bahara untuk rempah ratus

F7 - Terdapat dua kaedah urusan perdagangan di Melaka
H7a - Kaedah pertukaran barangan dan kaedah jual beli

b. Terangkan mata wang yang digunakan di pelabuhan Melaka pada abad ke 15. (6 markah)

F1- Menggunakan wang timah

H1a - Berbentuk bulat
H1b - Beratnya adalah satu kati lapan tahil
H1c - Terdapat nama sultan yang memerintah
H1d - Nama Sultan Muzaffar Syah dan tarikh Islam diukir dengan tulisan Jawi

F2 - Mata wang daripada Pasai, hormuz dan Cambay digunakan di Melaka

H2a - Ia boleh ditukarkan dengan wang tempatan

F3 - Mata wang Johor dikenali sebagai katun

H3a - Ia diperbuat daripada timah
H3b - Berbentuk bulat atau enam segi
H3c - Tidak mempunyai tarikh
H3d - Terdapat tulisan Jawi atau Arab

c. Jelaskan sistem percukaian yang diamalkan oleh Kerajaan Melayu Melaka. (8 markah)

F1 - Merupakan satu aspek penting aktiviti perdagangan di Melaka

F2 - Merupakan bayaran yang dikenakan oleh pihak pemerintah terhadap aktiviti yang dijalankan di pelabuhan

F3 - Merupakan pendapatan kerajaan dan disalurkan kembali untuk pembangunan negara

F4 - Cukai perlu dibayar terhadap barangan dagangan sebelum kegiatan perniagaan dijalankan

F5 - Cukai tetap merupakan cukai asas dan ditetapkan oleh pemerintah Melaka

H5a - Pedagang-pedagang dari India / Ceylon / Tanah Arab / Siam / Pegu dikenakan sebanyak 6 % daripada jumlah barang yang di bawa

H5b - Pedagang dari China / Jepun membayar sebanyak 5%

F6 - Barang makanan seperti beras dikecualikan cukai

F7 - Cukai diraja dikenakan ke atas orang asing yang datang dari Kepulauan Melayu dan menetap di Melaka

H7a - Orang asing lain dikenakan cukai sebanyak 6%

F8 - Amalan riba telah diharamkan kepada perniagaan yang dijalankan oleh orang Islam

- Mana-mana jawapan munasabah

7.a. Jelaskan faktor perbandaran di Tanah Melayu. (6 markah)

- F1 - Kawasan yang kaya dengan sumber semulajadi
- F2 - Kawasan yang menjadi pusat ekonomi penjajah seperti pertanian komersial
- F3 - Pekan yang berhampiran dengan kawasan perlombongan
- F4 - Pekan kecil berfungsi sebagai tempat pengumpulan hasil lombong
- F5 - Tempat untuk pelombong mendapatkan keperluan harian
- F6 - Kawasan yang mengalami pertambahan penduduk
- F7 - Kawasan perusahaan perlombongan bijih timah seperti Kuala Lumpur/ Seremban/ Taiping
- F8 - Pusat pentadbiran/perbankan/perdagangan
- F9 - Kawasan yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, sekolah dan pusat kesihatan
- F10 - Perkembangan sistem pengangkutan jalan raya dan jalan keretapi utama
- F11 - Kawasan yang menjadi penghubung kepada kawasan lain
- F12 - Kedudukan yang strategik untuk menjadi bandar besar seperti Kuala Lumpur

b. Terangkan usaha kerajaan British dalam mempertingkatkan taraf kesihatan di Tanah Melayu pada akhir abad ke 19. (6 markah)

F1 - Tubuh hospital

H1a - Kawal wabak penyakit

C1a - 29 buah pusat kesihatan di Perak

C1b - Hospital di buka di Tanjung Malim, Gopeng, Kerian, Kuala Kangsar

F2 - Pusat Kesihatan Kecil

H2a - 14 buah dibina di Selangor, 3 buah di Negeri Sembilan dan 2 buah di Pahang

F3 - Hospital persendirian oleh orang perseorangan

C3a - Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur

H3a - Untuk pekerja lombong bijih timah/ imigran cina

F4 - Institut Penyelidikan Perubatan

H4a - Penyelidikan dan kajian punca penyakit

F5 - Sanitary Board

H5a - Kebersihan dan kesihatan awan di bandar

H5b - Awasi kebersihan dan kesihatan di Kuala Lumpur dan Perak

F6 - Jabatan Kesihatan

H6a - Menjaga aspek kesihatan

c. Apakah langkah-langkah yang patut diambil oleh kerajaan Malaysia dalam mengurangkan penularan wabak penyakit. [8 markah]

F1 - Menjaga kesihatan diri agar dapat menghalang penyakit daripada merebak

F2 - Meja kebersihan persekitaran seperti di kawasan sekitar rumah/ petempatan dan kejiranan daripada sampah-sarap dan pusat nyamuk

F3 - Membina lebih banyak pusat penyelidikan perubatan supaya dapat menyelidik dan mengkaji punca penyakit

F4 - Melancarkan kempen gaya hidup sihat supaya masyarakat bersama-sama membantu kerajaan memerangi penyakit

F5 - Membina lebih banyak hospital awam dan swasta/pusat kesihatan di seluruh negara

F6 - Membuat hebahan melalui iklan/ program wawancara tentang kepentingan menjaga kesihatan melalui media massa dan elektronik

F7 - Menghalang kemasukan pekerja asing yang berpenyakit seperti penyakit Hepatitis B

F8 - Mempertingkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat tentang penyakit-penyakit yang membahayakan kesihatan melalui buku-buku dan majalah

F9 - Melancarkan ceramah kesihatan oleh pihak kerajaan di kawasan petempatan yang berpotensi tinggi berlakunya penularan penyakit

- F10 Kementerian Kesihatan turun memantau kawasan-kawasan kediaman serta kedai-kedai makan yang kotor dan tercemar
 - F11 - Mendenda kedai-kedai makanan/ restoran yang kotor dengan setimpal serta digantung permit perniagaan mereka.
 - F12 - Memperkasakan pendidikan kesihatan di sekolah dan universiti
- Mana-mana jawapan munasabah

8. a. Mengapakah tokoh-tokoh tersebut memilih akhbar dan majalah sebagai medium perjuangan nasionalisme mereka [6 markah]

- F1 Dibaca oleh pelbagai lapisan masyarakat
 - F2 Harga yang murah/mampu dibeli
 - F3 Mudah diperolehi
 - F4 Capaian media lain sangat terhad
 - F5 Mesej dapat disampaikan dengan jelas dan mendalam
 - F6 Kebanyakan rakyat telah menguasai kemahiran membaca
 - F7 Memuatkan banyak perkara dalam satu masa
 - F8 Mudah dibawa ke mana-mana
 - F9 Membetulkan pandangan yang salah
 - F10 Membangkitkan kesedaran kepada rakyat
 - F11 Cepat sampai kepada kumpulan sasaran
 - F12 Menanam sikap mencintai ilmu
- Mana-mana jawapan munasabah

b. Andaikan anda seorang wartawan akhbar harian tempatan. Apakah tema penulisan yang akan anda nukilkan bagi membuktikan kecintaan anda pada tanah air? [4 markah]

- F1 Keunikan Malaysia
 - F2 Integrasi National
 - F3 Perpaduan bangsa
 - F4 Perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan
 - F5 Keindahan tempat-tempat di Malaysia
 - F6 Kejayaan Malaysia
 - F7 Semangat Malaysia Boleh
 - F8 Kepelbagaian budaya Malaysia
- Mana-mana jawapan munasabah

c. Bagaimanakah media tersebut dapat memainkan peranan dalam menyemai semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat hari ini. [6 markah]

- F1 Menyebarkan maklumat mengenai kepentingan nasionalisme
- F2 Memasukkan iklan yang meningkatkan semangat patriotisme
- F3 Memaparkan cerita tentang perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan
- F4 Mempromosikan kempen berkaitan patriotism secara besar-besaran
- F5 Menyiarkan rencana tentang kemerdekaan negara
- F6 Memainkan lagu-lagu patriotik
- F7 Menayangkan filem-filem bertemakan semangat kebangsaan
- F8 Menganjurkan pertandingan bertemakan semangat nasionalisme

d. Akhbar dan majalah masih lagi relevan digunakan sebagai wadah penggerak semangat kebangsaan berbanding dengan media yang lain pada hari ini. Setujukah anda dengan kenyataan ini? Kemukakan alasan anda. [4 markah]

- F1 Setuju
- F2 Diterbitkan setiap hari
- F3 Terkandung maklumat terkini
- F4 Kosnya murah/harga mampu milik
- F5 Bahasa mudah difahami

- F6 Menggunakan medium pelbagai bahasa
- F7 Keperluan bagi tempat yang tiada capaian internet
- F8 Mudah dibawa ke mana-mana
- Mana-mana jawapan munasabah

ATAU

- F9 Tidak setuju
- F10 Banyak dipengaruhi oleh fahaman politik pengarang
- F11 Masyarakat lebih cenderung menggunakan laman sesawang
- F12 Tidak digemari golongan remaja
- F13 Sukar sampai di kawasan pedalaman
- F14 Mudah rosak
- F15 Grafik yang kurang menarik
- F16 Penggunaan warna yang terhad
- Mana-mana jawapan munasabah

10. a. Jelaskan proses pilihan raya di Malaysia.

[6 markah]

- F1 SPR menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian
- F2 penamaan calon
- F3 penyediaan manifesto oleh parti yang bertanding
- F4 pelancaran kempen pilihanraya
- F5 pengumuman tentang tempat pengundian dan tempat pengiraan undi oleh SPR
- F6 pemberian kertas undi
- F7 pembuangan undi
- F8 pengundi akan memangkah calon pilihanraya pada kertas undi
- F9 pengiraan undi
- F10 pengumuman keputusan pengundian

b. Huraikan sebab-sebab seseorang calon pilihan raya hilang kelayakan untuk bertanding

[4 markah]

- F1 muflis
- F2 tidak sempurna akan
- F3 hilang kewarganegaraan
- F4 masih memegang jawatan dalam sektor awam
- F5 disabitkan dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah
- F6 tidak cukup umur 21 tahun dan ke atas
- F7 tidak mengemukakan kertas penamaan calon
- F8 tidak bermastautin di Malaysia

c. Berdasarkan kepada pengetahuan anda, mengapakah segelintir masyarakat di negara kita melakukan provokasi semasa pilihan raya dan apakah langkah untuk mengatasi masalah tersebut?

[6 markah]

SEBAB

- F1 tidak puas hati dengan proses pilihanraya
- F2 dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggung jawab
- F3 kurang rasa hormat pada pihak kerajaan
- F4 kurang tindakan undang-undang kepada pihak yang terlibat

LANGKAH

- F1 memastikan pilihanraya dilaksanakan secara adil
- F2 tiada unsur rasuah dalam proses pilihanraya
- F3 mengenakan tindakan undang-undang
- F4 menerangkan kepada umum tentang proses pilihanraya
- mana-mana yang munasabah

d. Sekiranya anda sebagai ahli Dewan Rakyat, apakah sumbangan anda kepada masyarakat setempat?
[4 markah]

F1 menjaga kebajikan rakyat dengan mengambil berat mengenai masyarakat sekeliling

C1 memberikan sumbangan kepada mangsa banjir

F2 Merangsang ekonomi setempat seperti IKS (Industri Kecil Sederhana)

F3 Mengawasi keselamatan penduduk

F4 Mesra rakyat

C2 Menyertai majlis keraian

F5 Menyediakan kemudahan infrastruktur untuk tujuan keselesaan

F6 Menjadi saluran rakyat kepada pihak kerajaan

F7 Menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan

- Mana-mana jawapan yang munasabah

10. a. Apakah yang anda faham tentang Dasar Kependudukan?

F1 - Dikemukakan oleh Perdana Menteri pada 29 Mac 1984

F2 - Matlamatnya untuk mencapai sasaran 70 juta orang menjelang 2100

F3 - Menitikberatkan keselarasan antara kadar pertumbuhan penduduk dengan kadar pembangunan sosioekonomi negara

F4 - Khususnya berkaitan dengan kemudahan pendidikan / perumahan / kesihatan / peluang pekerjaan

F5 - Program pembangunan negara didasarkan kepada unjuran penduduk

F6 - Untuk memastikan pertumbuhan penduduk tidak mendatangkan masalah kepada negara

Mana-mana munasabah

b. Apakah rasionalnya Dasar Kependudukan terhadap kemajuan negara?

F1 - Penduduk sebagai sumber penting dalam pembangunan negara

F2 - Pertambahan penduduk memastikan bekalan tenaga kerja

F3 - Pertambahan penduduk meningkatkan produktiviti

F4 - Pertambahan penduduk meluaskan pasaran

F5 - Pertambahan penduduk menyumbang kepada kekuatan politik

F6 - Keselamatan negara

Mana-mana munasabah

c. i. Pada pendapat anda mengapakah perkara sedemikian berlaku?

Aras 3 : 5-6

- Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang luas

- Fakta tepat

- Bukti tepat beserta contoh yang sesuai

- Membuat inferens yang mudah

- Komunikasi/pengolahan menarik

Penurunan kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia berlaku kerana masalah kesempitan hidup misalnya di Bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur yang menyebabkan sebahagian keluarga di negara ini memilih untuk mempunyai bilangan anak yang sedikit iaitu dua atau tiga orang anak sahaja.

Selain itu, masalah penyakit kronik yang saban tahun bertambah bilangan pengidapnya seperti darah tinggi, diabetes dan jantung menyebabkan berlaku masalah ketidakseburan di kalangan rakyat Malaysia.

Aras 2 : 3-4

- Menunjukkan pemahaman dan pengetahuan yang agak luas

- Fakta yang agak tepat

- Bukti dan contoh yang masih sesuai
- Membuat inferens yang mudah
- Komunikasi / pengolahan masih menarik

Penurunan kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia berlaku kerana masalah kesempitan hidup yang menyebabkan sebahagian keluarga di negara ini memilih untuk mempunyai bilangan anak yang sedikit .

Selain itu, masalah penyakit kronik yang saban tahun bertambah bilangan pengidapnya menyebabkan berlaku masalah ketidakseburan di kalangan rakyat Malaysia.

Aras 1 : 1-2

- Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad
- Fakta masih tepat
- Tiada bukti dan contoh yang sesuai
- Tiada inferens
- Komunikasi/pengolahan tidak menarik

Penurunan kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia berlaku kerana masalah kesempitan hidup. Selain itu, masalah ketidakseburan di kalangan rakyat Malaysia.

c. ii. Sekiranya kadar pertumbuhan penduduk melebihi daripada kadar pembangunan sosioekonomi negara, apakah yang akan berlaku? (6 markah)

Aras 3 : 5-6

- Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang luas
- Fakta tepat
- Bukti tepat beserta contoh yang sesuai
- Membuat inferens yang mudah
- Komunikasi/pengolahan menarik

Negara akan mengalami masalah kadar pengangguran yang tinggi di kalangan rakyatnya kerana ketiadaan peluang pekerjaan terutamanya penduduk yang tinggal di kawasan Bandar seperti Kuala Lumpur.

Keadaan ini akan menjejaskan imej negara kerana akan meningkatkan masalah jenayah seperti meragut dan merompak kerana golongan ini dihimpit dengan keperluan untuk hidup. Ini seterusnya akan menggugat industri pelancongan negara seterusnya menyebabkan ekonomi negara jatuh.

Aras 2 : 3-4

- Menunjukkan pemahaman dan pengetahuan yang agak luas
- Fakta yang agak tepat
- Bukti dan contoh yang masih sesuai
- Membuat inferens yang mudah
- Komunikasi / pengolahan masih menarik

Negara akan mengalami masalah kadar pengangguran yang tinggi di kalangan rakyatnya kerana ketiadaan peluang pekerjaan .Keadaan ini akan menjejaskan imej negara kerana akan meningkatkan masalah jenayah .

Aras 1 : 1-2

Menunjukkan pengetahuan dan pemahaman yang terhad

- Fakta masih tepat
- Tiada bukti dan contoh yang sesuai

- Tiada inferens
- Komunikasi/pengolahan tidak menarik

Negara akan mengalami masalah kadar pengangguran yang tinggi . Keadaan ini akan menjejaskan imej negara.

11. a. Apakah faedah yang diperoleh negara kita dengan menyertai ASEAN. [4 markah]

- F1 Dapat membendung pengaruh komunis / PKM
- F2 Mendapat bantuan dalam bidang ekonomi
- F3 Dapat menjalin kerjasama dalam bidang sosial
- F4 Dapat mengekalkan keselamatan dan kestabilan politik serantau
- F5 Dapat menjalin kerjasama dalam bidang sains
- F6 Mendapat bantuan dalam bidang kebudayaan
- F7 Dapat meningkatkan taraf hidup rakyat melalui kerjasama dalam bidang pertanian / perdagangan perindustrian
- F8 Dapat mengadakan hubungan yang erat dengan pertubuhan serantau dan antarabangsa
- F9 Dapat menyertai Sukan SEA
- F10 Dapat meningkatkan imej negara
- F11 Dapat mengelakkan campur tangan kuasa besar di Asia Tenggara
- F12 Dapat mengelakkan perlumbaan senjata dalam kalangan negara di Asia Tenggara
- F13 Dapat mengelakkan Asia Tenggara dijadikan kawasan laluan pengangkutan senjata nuklear
- F14 Dapat membina projek baja urea di Bintulu
- F15 Dapat membina Pusat Serantau Untuk Sains dan Matematik (RCSAM) di Pulau Pinang
- F16 Dapat menyertai festival kebudayaan dan kesenian
- F17 Dapat melakukan pertukaran rancangan radio dan televisyen
- F18 Dapat melaksanakan kerjasama dalam bidang pelancongan seperti tahun Melawat ASEAN 1992

b. ASEAN merupakan salah sebuah pertubuhan serantau yang sangat berjaya di dunia. Buktikan. [4 markah]

- F1 - Penubuhan Zone of Peace, Free and Neutrality (ZOPFAN)
- F2 - Menjadikan rantau Asia Tenggara tidak bersekolong dengan manamana blok
- F3 - Membentuk kerajaan demokratik Campuran Kampuchea bagi mengatasi pencerobohan Vietnam ke atas Kampuchea
- F4 - Menjadikan ASEAN kawasan bebas senjata nuklear
- F5 - Membentuk kerjasama ekonomi dalam projek baja urea di Bintulu/ Aceh
- F6 - Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN/ AFTA
- F7 - Memperluaskan kerjasama ekonomi dengan China, Jepun dan Korea Selatan melalui Perundingan Ekonomi Asia Timur
- F8 - Memperkenalkan konsep ASEAN + 3 merujuk kerjasama ASEAN dengan China/ Jepun/ Korea Selatan
- F9 - Penubuhan Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN
- F10 - Penubuhan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik / RECSAM di Pulau Pinang
- F11 - Kerjasama dalam festival kebudayaan dan kesenian
- F12 - Penubuhan Tabung Kebudayaan ASEAN
- F13 - Pertukaran dalam rancangan radio dan televisyen
- F14 - Sukan SEA
- F15 - Mengadakan Tahun Melawat ASEAN pada 1992

c. i. Bersetujukah anda sekiranya ASEAN meluaskan negara keanggotaannya melepasi ruang geografi Asia Tenggara. Sebagai contoh, ASEAN menerima negara-negara seperti India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Maldives dan Papua New Guinea sebagai negara anggota yang baharu. Jelaskan alasan anda. (6 markah)

1 Markah : Menyatakan pendirian bersetuju atau tidak bersetuju

5 Markah : Menyatakan sebab dan menghuraikan sebab { setiap satu sebab satu markah. Huraian setaip setiap sebab satu markah satu huraian. Maksimum 5markah. }

c. ii. Menerusi pengalaman sejarah, terdapat banyak pertubuhan serantau dan pertubuhan sedunia yang akhirnya lenyap daripada lipatan sejarah. Mengapakah keadaan sedemikian boleh berlaku? [6 markah]

F1 - Negara anggota berbalah sesama sendiri

F2 - Berlaku peperangan

F3 - Perbezaan ideologi

F4 - Orde baru dunia

F5 - Ahli yang terlalu ramai

F6 - Peraturan yang tidak dipatuhi

F7 - Negara yang bertaraf kuasa besar enggan menyertainya

Mana-mana jawapan yang munasabah